

06 JUL 1996

MCA-Ling

PERANAN MASYARAKAT DALAM MENUJU FASA BARU PEMBANGUNAN

KUALA LUMPUR, 6 Julai (Bernama) -- Presiden MCA, Datuk Seri Dr Ling Liong Sik hari ini mengajak rakyat Malaysia melihat secara kritikal peranan yang harus mereka mainkan bagi membawa negara menuju fasa baru dalam pembangunan.

Katanya, Rancangan Malaysia Ketujuh (RMK-7), yang membentangkan program lima tahun yang akan membawa masyarakat memasuki abad baru, menuntut supaya keutamaan dan matlamat baru diadakan.

Rakyat Malaysia harus menyahut cabaran-cabaran baru yang terkandung dalam RMK-7 bagi membolehkan negara meningkatkan tahap pencapaian ekonomi yang lebih cemerlang, katanya ketika berucap pada perhimpunan agung tahunan MCA ke-43 di Wisma MCA di sini.

Perhimpunan itu dirasmikan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad selaku Pengerusi Barisan Nasional.

Dr Ling, yang juga Menteri Pengangkutan berkata, MCA dalam strategi ekonominya akan mempergiat aktivitinya membantu rakyat Malaysia meningkatkan prestasi ekonomi mereka.

"MCA akan terus membantu masyarakat peniaga menerokai peluang-peluang baru dalam bidang perdagangan, pelaburan dan pelancongan," kata Dr Ling, yang mengekalkan jawatan Presiden MCA tanpa bertanding untuk tempoh tiga tahun akan datang.

Beliau berkata, selain terus memberi penerangan kepada rakyat mengenai dasar dan program kerajaan bagi menggalakkan perdagangan dan pelaburan, parti itu juga akan terus menggalakkan persatuan dan gabungan perniagaan untuk mencari peluang-peluang perniagaan baru," katanya.

Bagi menyediakan lebih banyak tenaga kerja yang terlatih dan mahir, MCA akan memperluaskan projek Langkawinya untuk meliputi lebih ramai pelajar yang memerlukan bantuan.

Setiap anggota MCA telah diminta mengenalpasti murid-murid miskin daripada pelbagai kaum di kawasan mereka dan mencari jalan membantu kumpulan itu dan untuk pertama kalinya, program perkhidmatan masyarakat mahasiswa universiti oleh parti itu akan melibatkan penuntut di maktab perguruan, politeknik dan kolej swasta, tambahnya.

"Melalui usaha ini, diharapkan bahawa semasa kita menuju ke arah menjadi sebuah negara industri, semua rakyat Malaysia yang ingin mendapat pendidikan akan berpeluang berbuat demikian," katanya.

Dr Ling berkata, Kolej Tunku Abdul Rahman (TAR) tajaan parti itu telah berjaya mengeluarkan tenaga kerja teknikal dan separa profesional yang amat diperlukan bagi sesebuah ekonomi yang sedang berkembang.

Beliau juga mahu pergerakan Wanita MCA bersedia memainkan peranan lebih penting dalam semua bidang sejajar dengan tumpuan kepada peranan wanita dalam pembangunan negara seperti yang terkandung dalam RMK-7.

"MCA telah menetapkan bahawa menjelang tahun 2010, 30 peratus daripada jawatan ahli majlis daerah dan tempatan akan dipegang oleh wanita," katanya.

Beliau juga mahu pergerakan Pemuda MCA memainkan peranan lebih aktif bagi memastikan golongan belia di negara ini memiliki nilai-nilai etika, agama dan moral yang tinggi melalui program-program berfaedah.

"Saya berharap apabila ekonomi negara bertambah maju, rakyat kita akan mempunyai nilai-nilai sosial dan kerohanian yang lebih kukuh," katanya.

Dr Ling berkata, MCA telah menubuhkan biro hal ehwal agama baru-baru ini untuk memupuk nilai-nilai murni dan mengeratkan lagi kerjasama dan

kefahaman di kalangan badan-badan agama dan meminta masyarakat berwaspada dengan golongan pelampau agama kerana mereka boleh mengancam keharmonian dan perpaduan di negara ini.

Presiden MCA itu mahu masyarakat Cina terus bekerjasama dengan semua kaum di negara ini untuk sama-sama menuju kepada perkongsian yang erat, kukuh dan berpanjangan dalam usaha mencapai matlamat dan objektif negara.

Perhimpunan selama dua hari itu dihadiri lebih 2,000 perwakilan MCA dari seluruh negara. -- BERNAMA

AFY OBA